

25 APR 1998

Komanwel-Upacara

RAPTAI PENUH SUKAN KOMANWEL DITUTUP KEPADA ORANG AWAM

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Orang ramai tidak dibenarkan menyaksikan dua raptai penuh bagi upacara perasmian dan penutupan Sukan Komanwel ke-16 di sini Septembr ini, kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini.

Beliau berkata hanya jemputan khas termasuk menteri Kabinet dibenar menyaksikan raptai pertama pada 6 Sept manakala Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyaksikan raptai kedua pada 9 Sept.

Kedua-dua upacara itu yang dianggarkan menelan belanja RM25 juta akan diadakan di stadium utama di Bukit Jalil yang mampu menampung 100,000 penonton. Temasya sukan itu dijadualkan dari 11 Sept hingga 21 Sept.

Muhyiddin berkata orang ramai tidak dibenarkan menyaksikan raptai penuh itu kerana mereka mahu mencetuskan suasana ingin tahu di kalangan rakyat mengenai kedua-dua upacara itu.

"Kedua-dua upacara itu akan menjadi detik sejarah. Rakyat Malaysia tidak harus melepaskan peluang menyaksikan upacara itu yang akan mempamerkan cahaya dan bunyi yang menggunakan kepakaran dan teknologi tempatan," katanya kepada pemberita selepas mendengar talikmat Jawatankuasa Upacara Pembukaan dan Penutup Sukan Komanwel di pejabatnya di sini.

Sukom Ninety Eight Berhad, penganjur Sukan itu, akan menjual kira-kira 60,000 tiket bagi upacara perasmian dan penutupan itu, kata Muhyiddin.

Beliau berkata setiap penonton akan diberikan beg yang antaranya mengandungi lampu suluh dan reben di pintu masuk stadium untuk membolehkan mereka turut serta dalam sesi nyanyi bersama dan pergerakan menarik yang lain.

"Kita mahu para penonton turut serta memeriahkan upacara-upacara itu...Tidak hanya duduk dan melihat. Saya pasti setiap penonton akan meninggalkan stadium dengan penuh kenangan," katanya.

Beliau berkata upacara perasmian itu akan berlangsung selama dua jam setengah dan membabitkan penyertaan 13,000 orang.

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar berkenan hadir pada upacara perasmian pada 11 Sept manakala upacara penutup pada 21 Sept akan disempurnakan oleh Ratu Elizabeth.

Presiden Sukan Komanwel (CGF) Putera Edward akan membaca perutusan Ratu yang terkandung dalam baton pada upacara perasmian.

Beliau berkata beberapa artis antarabangsa seperti penyanyi pop Britain Rod Stewart, Alisha dari India dan kumpulan wanita dari Ireland, Corr akan memeriahkan upacara penutup.

"Penyanyi tanahair akan juga turut serta," katanya.

Muhyiddin berkata murid sekolah dari Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor akan turut terbabit dalam upacara-upacara itu.

-- BERNAMA

DC AKD